

19/02/2000

Sedia pakej melancong untuk pelajar: PM

Kadir Dikoh; Kandau Sidi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya pengusaha industri pelancongan tempatan mewujudkan pakej pelancongan khusus untuk kanak-kanak sekolah.

Perdana Menteri berkata, kumpulan itu perlu didedahkan kepada warisan negara bagi menyemai rasa cinta serta semangat taat setia kepada negara, dan dengan itu aktiviti pelancongan membabitkan kanak-kanak sekolah perlu diperbanyakkan.

Ini kerana katanya, antara warisan negara yang bakal diwarisi ialah negara yang aman walaupun penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, namun mereka dapat hidup rukun damai antara satu sama lain.

"Saya berpendapat ini perlu diberi tumpuan oleh kementerian (kebudayaan, kesenian dan pelancongan). Adalah baik anak-anak diperkenalkan dengan warisan bagi memupuk perasaan kasih sayang kepada semua warisan negara yang akan diwarisi mereka," katanya ketika melancarkan Festival Pelancongan Melaka 2000 di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini, malam ini.

Perdana Menteri kemudian menyaksikan upacara menandatangani persefahaman (MOU) di antara lima hotel di Melaka dengan agensi pelancongan, bertujuan untuk membawa pelancong ke Melaka.

Beliau turut melancarkan buku "Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia" dan buku MICE (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran).

Di majlis yang sama, pelbagai persembahan kesenian negeri Melaka diadakan. Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam serta isteri masing-masing.

Festival selama enam hari bermula hari ini turut disertai 82 syarikat dan badan seperti Institut Pengajian Seni Malaysia, Akademi Laut Malaysia, Yayasan Melaka, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Perwakilan dari perkampungan Portugis Melaka dan A'Famosa Waterworld.

Acara itu dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka dan ditaja oleh Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, A Famosa Bhd, Kit Kat Nestle, United Engineering (M) Bhd, Kumpulan DRB Hicom serta New Straits Times dan Nanyang Siang Pau sebagai media rasmi dan Insurans Takaful Nasional sebagai insurans rasmi.

Antara tarikan pelancongan yang dipamerkan di festival itu ialah beca yang dibawa khas dari Melaka, kereta lembu, pertunjukan kebudayaan, seminar dan cabutan bertuah.

Dr Mahathir berkata, di Jepun, kanak-kanak sekolah kerap kali dibawa melawat ke tempat-tempat tertentu bukan sahaja tempat bersejarah malah pusat beli belah terkenal.

Namun, di Malaysia katanya, usaha seumpama itu amat berkurangan untuk menarik pelancong yang terdiri daripada kanak-kanak sekolah.

"Budaya negara harus menjadi warisan, budaya memupuk hidup rukun damai. Jika anak-anak belajar bagaimana untuk hidup rukun damai, negara akan aman dan keharmonian kaum dikekalkan," katanya.

Beliau juga berharap industri pelancongan akan terus menggerakkan hasil pendapatan negara.

Pada masa ini katanya, industri pelancongan adalah penyumbang ketiga terbanyak hasil negara dan berharap ia akan menjadi penyumbang utama satu masa nanti.

(END)